

Kembara Puisi IPT UPM PALING 'CLASS'

Oleh: HM RUSDY / Foto: Azman Ariff Azizol Rahman



Aksi kumpulan Koprata yang mendengarkan lagu-lagu puisi menarik minat audien



Dr. Idris tidak melepaskan peluang untuk sama-sama mendeklamasikan puisi

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) boleh dikatakan paling cemerlang dalam siri Kembara Puisi IPT 2001 yang diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Rata-rata berpendapat dan memperkatakan kecemerlangan penganjur kali ini berbanding yang sudah-sudah. Sebelum ini kembara puisi antara IPT telah diadakan di beberapa IPT di sekitar Lembah Klang.

Bermula dengan kunjungan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pengembaraan pertama. Seterusnya ia melangkah ke Universiti Malaya kemudian menyusur pula ke Institut Bahasa di Lembah Pantai di sebabkan IPT pada masa itu bercuti panjang.

Begitulah liku-liku pengembaraan Kembara Puisi IPT yang dijadikan atucara bulanan bermula sejak 20 Januari lalu di UKM sebelum kali terakhir melabuh panggung di UPM.

Baik penyair atau penonton yang terlibat semuanya kagum dengan penganjuran program kali

ini. Dengan kehadiran kira-kira 3,000 penonton sudah cukup untuk membuktikan kepada umum bahawa Kembara Puisi IPT di UPM paling class.

Mengikut sumber pihak penganjur bukan setakat puas hati dengan tuan rumah (UPM) tetapi kagum dengan sokongan dan kerjasama yang di tunjukkan oleh Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang sanggup turun padang untuk sama-sama merasai kehangatan kembara puisi kali ini.

Bertemakan *Suara Nurani Jati Diri Bangsa* ia menampilkan beberapa penyair terkenal tanah air. Antaranya ialah Marzuki Ali, Ahmad Shukri Abdullah, Koprata, Ras Adiba Radzi, Khalid Salleh, Zainal Rashid Ahmad dan Sutung Umar RS.

Selain itu, turut menggamat dewan pada malam itu wakil daripada UPM terdiri daripada TNC (HEP) sendiri Prof Madya Dr Idris Abdol dan Timbalan Pendaftar, Mustafa Ibrahim.

Ia diserikan lagi dengan penampilan beberapa pensyarah UPM yang se-



TURUN PADANG...Naib Canselor UPM (dua dari kanan) turut hadir untuk menjayakan persembahan pada malam tersebut

memangnya terkenal dengan lagu-lagu puisi Aripin Said serta pembacaan puisi oleh Arbak Othman.

Tidak cukup dengan itu UPM juga mengetengahkan bakat baru daripada ahli Kelab Puisi UPM terdiri Abdul Hadi Che Hasan, Nurhisyam Razali dan Flora Ilyana. Mereka bertiga berpadu tenaga dengan puisi berjudul *Lagendaku* yang dibaca khusus untuk mengenang jasa seniman agung Tan Sri P. Ramlee.

Sekali lagi persembahan mereka menggamatkan dewan apabila menyanyikan lagu *Di Mana Kan Ku Cari Ganti* yang diiringi gesekan biola menyebabkan para penonton terpaku seketika.

Untuk membuktikan

UPM serba boleh pihak penganjur memberi ruang kepada dua kumpulan dari UPM iaitu Kelab Akustik dan Kelab Putra untuk membuat persembahan.

Seterusnya Kembara Puisi IPT di jangka akan meneruskan langkah ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Di harap usaha yang dilakukan oleh *Berita Harian* dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Bank Rakyat dapat mengembangkan lagi minat mahasiswa terhadap puisi serta budaya bangsa yang semakin terpinggir.

Jni Kampung Halamanku

(buat putera-puteri UPM harapan bangsa)

*Jni kampung halamanku
Universiti Putra Malaysia
di sini aku membina peribadi
di sini aku menjadi dewasa
menjana minda
menjadi manusia sempurna.*

*Jni kampung halamanku
kampung ilmu warisan bangsa
di sini aku mencari khazanah
di sini aku membina kehidupan
melaksana tanggungjawab
menjadi manusia berjiwa besar.*

*Jni kampung halamanku
kampung kelahiran putera-puteri
mengangkat darjat
mengangkat martabat
menjadi bangsa terhormat.*

Nukilan,

MUHAMMAD SIDDIQ ZAINAL